

Tan Sri
Lee Lam Thye

Bendera merah elak tragedi lemas

Kematian akibat lemas yang kerap berlaku di seluruh negara sejak akhir-akhir ini sudah tentu menimbulkan kebingungan dalam kalangan orang ramai.

Pada hari pertama cuti Tahun Baru Cina baru-baru ini misalnya, sembilan orang termasuk lima daripada keluarga yang sama mati lemas dalam tiga kejadian tragis berasingan di Kelantan, Terengganu dan Selangor.

Secara purata, kira-kira 700 kes lemas dilaporkan di seluruh negara setiap tahun atau kira-kira dua orang mati dalam air setiap hari.

Kecuali sesuatu yang drastik dilakukan, saya bimbang akhirnya kes lemas akan menjadi serius seperti kemalangan jalan raya yang meragut antara 6,000 hingga 7,000 nyawa setiap tahun.

Namun untuk menangani kes kematian jalan raya, kita mempunyai Jabatan Keselamatan Jalan Raya, tetapi tidak ada jabatan spesifik untuk mengatasi kematian akibat lemas.

Kita juga mempunyai pasukan polis, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk menguatkuasakan undang-undang bagi mengatasi kemalangan jalan raya. Malangnya kita tidak mempunyai penguatkuasa undang-undang khas untuk mengurangkan kes lemas dan ramai yang tidak menyedarinya.

Apa yang kita ada hanyalah Majlis Keselamatan Aktiviti Air Negara (MKAA) yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan ahli akademik yang mempunyai kuasa terhad. Objektif utama ialah untuk mempromosikan kesedaran keselamatan air, menganjurkan kempen pendidikan mengenai keselamatan air, menggalakkan pembelajaran renang serta pelbagai aktiviti lain yang berkaitan dengan keselamatan air.

Kita sebenarnya memerlukan sebuah jabatan khas untuk merancang, menguatkuasa, merangka strategi dan melaksanakan langkah pencegahan lemas.

Kematian akibat lemas sebenarnya boleh dicegah terutama yang membabitkan keluarga dan remaja yang pergi bercuti atau melakukan aktiviti luar.

Kerajaan perlu mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan yang mempunyai bidang kuasa ke atas aktiviti air untuk mengambil langkah drastik bagi mengelakkan kes lemas. Ia termasuk audit keselamatan yang kerap di kawasan aktiviti air, papan tanda

yang mencukupi untuk memberi amaran kepada orang ramai mengenai zon bahaya dan membina pagar di kawasan lombong terbiar.

Mereka juga perlu menyediakan anggota penyelamat di kawasan rekreasi air yang menjadi tumpuan orang ramai dan merangka tindak balas pantas ketika kecemasan oleh agensi terbabit seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan polis.

Inisiatif APM untuk menubuhkan pasukan penyelamat pantai atau Baywatch sendiri harus dipuji kerana dapat membantu menyelamatkan nyawa.

Tidak ramai rakyat Malaysia yang menyedari APM, yang merupakan sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri, mempunyai pasukan Baywatch yang terdiri daripada 150 penyelamat terlatih yang ditempatkan di 41 pantai popular di seluruh negara.

Kita mempunyai banyak pantai, air terjun, tasik, sungai dan taman tema air yang menarik pelawat tempatan dan asing tetapi ramai yang tidak menyedari bahaya yang ada. Oleh itu, kita perlu memperhebatkan program kesedaran mengenai keselamatan aktiviti air di seluruh negara.



Orang ramai harus memahami dan mematuhi amaran yang diberikan oleh pihak berkuasa. Bendera putih yang dinaikkan di menara tinjau pasukan penyelamat bermakna keadaan laut selamat untuk berenang dan melakukan aktiviti air manakala bendera merah adalah amaran kepada semua untuk menjauhkan diri daripada kawasan air.

Kerajaan disarankan untuk

meminda undang-undang bagi memberi kuasa kepada anggota penyelamat mengambil tindakan yang perlu terhadap mereka yang tidak mematuhi amaran. Pada masa ini, anggota penyelamat hanya boleh menasihati mereka yang degil ini.

Meningkatkan kesedaran mengenai lemas adalah sangat penting kerana sikap tidak peduli orang awam terhadap keselamatan

mereka jelas kelihatan bukan sahaja di pantai popular, tetapi juga kawasan rekreasi air lain di seluruh negara.

Menurut laporan media, seramai 31 kanak-kanak ditemui lemas di kolam renang dan taman tema dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun lalu.

Jumlah kes tertinggi direkodkan di Selangor, Kedah dan Pahang di mana kira-kira 75 peratus daripada mangsa berumur bawah lima tahun.


Kerajaan juga harus menyediakan pangkalan data komprehensif yang mengandungi statistik dan maklumat lengkap mengenai semua kes lemas.

Dengan pembentukan sebuah jabatan baru di bawah Jabatan Perdana Menteri, pangkalan data tersebut akan dapat membantu pihak berkuasa tersebut untuk membangunkan langkah segera dan jangka panjang untuk menangani isu ini.

Semua pihak harus menjadikan pencegahan lemas sebagai sebahagian daripada budaya manakala kanak-kanak dan pelajar sekolah pula perlu diajar mengenai bahaya lemas dan cara untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa.

Penulis Ahli Majlis Keselamatan Aktiviti Air Negara

Dialog Kotaraya



Oleh Juragan

SIDANG PENGARANG

Ketua Pegawai Eksekutif NSTP: Datuk Seri Abdul Jallil Hamid | Ketua Pengarang NSTP: Datuk Yushaimi Yahaya | Pengarang Eksekutif Kanan Integrasi NSTP: Saidon Idris
 Pengarang Eksekutif Harian Metro: Tuan Asri Tuan Hussein | Pengarang Bersekutu Ehwai Semasa Harian Metro: Noor Sham Salleh | Pengarang Bersekutu Digital, Rencana Harian Metro: Husain Jahit